

TEKS UCAPAN:

YAB DATO' SRI DR AHMAD ZAHID BIN HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI

SEMPENA:

MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG PERSATUAN PENGUSAHA BAS EKSPRES MELAYU SEMENANJUNG MALAYSIA (PEMBAWA)

PADA:

29 OKTOBER 2024 | SELASA | 12.00 TENGAH HARI

LOKASI:

WTC KL

Terima Kasih Saudara/ Saudari Pengerusi Majlis,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan.

SALUTASI

(Akan diberikan pada hari program)

MUKADIMAH

1. Setiap hari, ribuan rakyat Malaysia bergantung kepada bas ekspres untuk memenuhi keperluan perjalanan mereka. Ada dalam kalangan penumpang yang menaiki bas ekspres untuk bekerja di bandar, ada keluarga yang menggunakannya untuk pulang ke kampung, tidak kurang juga perjalanan anak-anak bangsa kita yang pergi dan pulang untuk menuntut ilmu.

2. Pastinya, dalam setiap perjalanan ini terletak satu harapan, satu cerita dan seribu satu kenangan – dan perjalanan ini terletak di bahu pengusaha bas ekspres yang **menjamin kelangsungan kehidupan penggunanya yang kini mencecah hampir 1.93 juta pengguna setiap bulan.**

3. Jadi percayalah bahawa tanggungjawab anda amat besar, bukan sekadar menyediakan perkhidmatan pengangkutan – tetapi anda semua memainkan peranan memberikan sebuah kehidupan yang lebih baik buat seluruh rakyat Malaysia.

4. Sebab itulah saya hadir hari ini di dalam **Mesyuarat Agung Tahunan Pengusaha Bas Ekspres Melayu Semenanjung Malaysia (PEMBAWA) yang ke-44** – atas penghargaan kepada semua pengusaha, pemandu, pengurus bas ekspres yang telah selama ini komited dalam memastikan industri bas ekspres kekal relevan dan memberikan khidmat yang terbaik buat seluruh rakyat Malaysia.

KEDUDUKAN PEMBAWA DALAM INDUSTRI PENGANGKUTAN

Hadirin sekalian,

5. Bayangkan empat dekad lalu, ketika Malaysia sedang giat membangun dan jalan-jalan utama negara baru mulai terbentuk - di situlah peranan besar pengusaha bas ekspres bermula. Seperti nadi yang menghubungkan setiap pelosok negara, bas ekspres menjadi tulang belakang kepada mobiliti rakyat.

6. Kini, terdapat seramai **181 pengusaha bas exspres di seluruh semenanjung dengan 3,689 permit kenderaan aktif yang didaftarkan bagi membawa lebih 20 juta penumpang setiap tahun**. Ini jelas menunjukkan betapa besarnya ekosistem industri ini dan potensinya dalam memangkin kemajuan. Malah, anda bukan sahaja membawa penumpang, tetapi juga membawa modal insan yang berpotensi untuk membangunkan negara.

7. PEMBAWA is carrying a big role and responsibility to ensure that despite the challenges ahead, you are still transporting millions of Malaysians. You have no choice but to ensure that your service is both efficient and reliable.

CABARAN KOMPLEKS INDUSTRI BAS EKSPRES

Sidang hadirin sekalian,

8. Ya, saya mendengar rintihan pengusaha bas sebelum ini. Banyak cabaran yang dilalui, dan ramai juga yang tidak mampu meneruskan kelangsungan dalam industri pengangkutan awam ini. **Saya dimaklumkan bahawa kos operasi tahunan syarikat bas terus meningkat, dengan purata kenaikan sebuah syarikat sebanyak RM 12.72 juta setiap tahun**.

9. Selain kos yang meningkat, industri ini juga berdepan dengan persaingan sengit daripada mod pengangkutan lain. Tahun lalu, **industri ini mengalami penurunan sebanyak 15% dalam jumlah penumpang**, akibat persaingan daripada pilihan pengangkutan lain seperti kereta persendirian dan tren.

10. Pengguna lebih cenderung untuk memilih kenderaan persendirian kerana fleksibiliti dan keselesaan yang ditawarkan. Perkhidmatan *e-hailing* seperti Grab turut mengubah cara orang ramai bergerak, terutamanya untuk perjalanan jarak pendek dan sederhana, yang memberi kesan langsung kepada industri bas ekspres.

11. Tambahan pula, pengangkutan tren berkapasiti tinggi seperti ETS, KTMB semakin mendapat tempat di kalangan penumpang dengan **peningkatan 23% dari 5.8 juta penumpang (2022) ke 7.1 juta penumpang (2023).** Situasi ini dijangka akan menjadi lebih mencabar dengan pembinaan projek-projek mega seperti **ECRL (East Coast Rail Link)** dan **HSR (High-Speed Rail)** yang akan secara langsung memberikan tekanan tambahan kepada perkhidmatan bas ekspres yang mungkin terhimpit dengan isu kesesakan jalan raya dan jadual perjalanan yang terjejas.

12. Selain itu, **faktor-faktor lain seperti kos penyelenggaraan kenderaan yang semakin meningkat, kenaikan harga bahan bakar, dan bayaran tol** juga saya percaya memberi impak besar terhadap kos operasi bas ekspres. Cabaran-cabaran ini menyebabkan ramai pengusaha bas terpaksa menaikkan harga tambang untuk menampung kos, yang seterusnya boleh mengurangkan daya saing mereka dalam pasaran.

PENGURANGAN KOS OPERASI

Sidang hadirin sekalian,

13. Kerajaan juga mendengar rintihan para pengusaha mengenai kos operasi yang tinggi juga menjadi beban berat yang harus ditanggung walaupun bas ekspres tergolong dalam **Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) -** iaitu harga diesel kekal pada kadar RM1.88 seliter.

14. Tetapi, saya faham kos-kos lain seperti penyelenggaraan khususnya bagi bas-bas yang lebih lama, di mana kos alat ganti dan penyelenggaraan berkala turut naik dan ini memberi impak kepada keselamatan penumpang.

15. Dalam menghadapi semua cabaran ini, jalan yang mudah pastinya menaikkan tambang tetapi bagi memastikan penumpang terus kekal di dalam mod pengangkutan ini - **perlu ada strategi jangka panjang yang melibatkan inovasi dan penambahbaikan perkhidmatan**.

16. Saya juga memuji langkah yang diambil oleh MARA Liner semasa lawatan saya ke China awal tahun lalu bersempena Sambutan Ulangtahun ke-50 Hubungan Malaysia-China – yang mana MOU ditandatangani dengan pihak Zhejiang CRRC terhadap kerjasama penggunaan bas mesra alam yang menggunakan tenaga alternatif seperti elektrik (EV Bus).

17. Kerjasama bas elektrik ini, InsyaAllah akan membantu bukan sahaja **kelestarian alam sekitar, tetapi pengurangan kos pengendalian bas dalam tempoh jangka panjang.** MARA Liner yang kini menjadi sebahagian daripada PEMBAWA – diharapkan akan memberikan manfaat besar kepada persatuan secara keseluruhannya.

STRATEGI INOVATIF UNTUK MEMPERKASAKAN PENGUSAHA BAS DALAM INDUSTRI PENGANGKUTAN AWAM

Hadirin sekalian,

18. Seperti saya sebutkan tadi, untuk menghadapi cabaran dalam industri pengangkutan awam yang semakin kompetitif - **pengusaha bas perlu berinovasi dan menyesuaikan strategi mereka untuk terus relevan**. Beberapa pendekatan praktikal yang saya yakin boleh membantu meningkatkan daya saing dan memastikan kelangsungan perkhidmatan bas dalam jangka masa panjang.

19. **Pertama**, penggunaan teknologi digital adalah satu langkah penting - termasuklah **membangunkan aplikasi mudah alih yang membolehkan pelanggan membeli tiket serta menjejaki lokasi bas secara masa *live***.

20. Kajian menunjukkan bahawa hanya 35% pengusaha bas ekspres di Malaysia yang menawarkan perkhidmatan tempahan dalam talian, berbanding lebih 70% di negara-negara maju lain. Oleh itu, **PEMBAWA harus mengadaptasikan teknologi digital sebagai penyelesaian pintar** untuk menawarkan perkhidmatan yang lebih mesra pengguna dan selaras dengan perkembangan teknologi.

21. **Kedua**, saya mencadangkan agar pengusaha bas **memanfaatkan data untuk mengoptimumkan laluan berdasarkan keperluan pasaran**. Penggunaan teknologi seperti AI untuk menganalisis corak trafik dan mengoptimumkan laluan boleh meningkatkan kecekapan operasi serta mengurangkan kos.

22. Di samping itu, semasa pengumuman Belanjawan 2025 baru-baru ini, **Skim Pembiayaan Mikro Bank Pembangunan Malaysia Berhad telah memperuntukkan RM6.4 bilion** sebagai dana pembiayaan untuk menyokong pembangunan infrastruktur, logistik, dan pengangkutan. Saya menggalakkan **PEMBAWA untuk meneroka potensi pembiayaan ini** bagi sebarang usaha penambahbaikan perkhidmatan.

23. **Ketiga**, saya menyarankan agar pengusaha bas **memanfaatkan peluang baharu yang wujud dalam peningkatan sektor e-dagang dan permintaan perkhidmatan logistik**. Dengan menawarkan perkhidmatan tambahan seperti penghantaran barangan kecil - pengusaha bas ekspres boleh mempelbagaikan sumber pendapatan mereka sambil memenuhi keperluan pasaran yang kian berkembang.

24. InsyaAllah, dengan gabungan inisiatif-inisiatif ini, saya yakin pengusaha bas dapat mempertingkatkan kualiti perkhidmatan, menjana pendapatan yang lebih lumayan dan menjadikan pengangkutan awam bas ekspres lebih menarik serta mudah diakses oleh orang ramai. InsyaAllah, langkah ini akan membawa kepada perkhidmatan yang lebih cekap dan selaras dengan kehendak pengguna masa kini.

PENUTUP

25. Sebagai penutup, saya ingin menyeru kepada semua yang hadir agar kita bersama-sama membina hala tuju strategik yang memfokuskan kepada pembangunan sistem bas ekspres yang lebih mampan, bersepadu, dan cekap.

26. Kita perlu memastikan bahawa sektor ini terus relevan dan memainkan peranan penting dalam pembangunan sosioekonomi negara. Penglibatan Bumiputera, khususnya.. dalam industri ini mesti diperkukuhkan kerana ia bukan sahaja memberi lebih 10,000 peluang pekerjaan, tetapi juga memastikan kelangsungan perniagaan bagi ramai pengusaha Bumiputera. Sokongan terhadap

usahawan ini, terutamanya dalam aspek digitalisasi dan inovasi - harus menjadi keutamaan.

27. Tambahan itu, perpaduan di kalangan ahli PEMBAWA adalah amat penting. Melalui kepimpinan yang cekap dan komitmen yang tidak berbelah bahagi - kita mampu menghadapi perubahan yang berlaku dalam industri ini. Saya percaya bahawa dengan semangat kerjasama dan kesepakatan yang teguh, kita dapat mencapai kejayaan bersama.

28. Dengan penuh harapan dan lafaz lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, **saya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan PEMBAWA yang ke-44 ini,** semoga mesyuarat ini dapat menghasilkan keputusan-keputusan yang memajukan industri serta memberi manfaat kepada semua ahli dan masyarakat keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.